

MAHATHIR

(EMBARGO: UNTUK SIARAN PADA PUKUL 8.45 HARI INI (8 FEB).

1980

KUALA LUMPUR, 8 FEB. (BERNAMA) -- TIMEALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU PARA PEMBUAT JAM SWISS SUPAYA MEMPERTIMBANGKAN KEMUNGKINAN MENDIRIKAN KILANG MEREKA DI MALAYSIA BAGI MEMBANTU PEMBANGUNKAN INDUSTRI PEMBUATAN JAMNYA YANG MASIH MENTAH.

MALAYSIA INGIN MELIHAT INDUSTRI JAMNYA MENDAPAT FAEDAH DARI TEKNOLOJI DAN KEPAKARAN SWISS, KATA BELIAU DALAM SATU DIALOG DENGAN AHLI-AHLI PERSATUAN PEMBUAT JAM SWISS DI ZURICH. TEKS UCAPANNYA DIKELUARKAN DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA MALAYSIA PERSEDIA MEMIENARKAN PEMBUAT-PEMBUAT JAM SWISS MENGEKALKAN 100 PERATUS EQUITI ASING. KIRANYA MEREKA MENUBUHKAN KILANG YANG BERORIENTASIKAN EKSPORT SELURUHNYA.

DALAM MASA DI MANA JUALAN DIPERLUKAN DALAM PASARAN DOMESTIK, BEBERAPA UNSUR PENYERTAAN EQUITI MALAYSIA AKAN DIPERLUKAN, KATANYA KEPADA MEREKA.

MEREKA WALAU BAGAIMANAPUN DIPASTIKAN PAHAWA APA SAHAJA KEPUTUSAN YANG DIAMBIL TERHADAP PENYERTAAN EQUITI, IA AKAN DAPAT DITERIMA OLEH KEDUA BELAH PIHAK. -- BERSAMBUNG 1830/LK

566:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

109

SEKARANG TERDAPAT HANYA TIGA SYARIKAT DI MALAYSIA, DUA DARI JEPUN DAN SATU LAGI SYARIKAT SWISS SEBAGAI PEMEGANG SAHAM UTAMA, YANG MENGELUARKAN ALAT-ALAT GANTI JAM SAPERTI DIAL, BAND DAN JEWEL BAGI PASARAN EKSPORT.

MALAYSIA MENGIMPORT KIRA-KIRA 365,000 JAM TANGAN BERNILAI \$15.8 JUTA DALAM TAHUN 1977 DARI MANA SWITZERLAND HANYA MEMPUNYAI 26 PERATUS BAHAGIAN SAHAJA — SATU KEJATUHAN DARI BAHAGIAN TAHUN SEBELUMNYA YANG SEBANYAK 35 PERATUS.

BAHAGIAN SWITZERLAND TERHADAP IMPORT ALAT-ALAT GANTI JAM KE MALAYSIA, BERJUMLAH \$8.6 JUTA PADA TAHUN YANG SAMA ADALAH KURANG DARI SETENGAH PERATUS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +SWITZERLAND, DARI KALANGAN NEGARA-NEGARA PERINTIS PEMBUAT JAM, SUDAH TENTU TIDAK AKAN HANYA MENGAMBIL TEMPAT DI BELAKANG DALAM PASARAN JAM ASEAN DAN ASIA.

+APA YANG KAMI HARAPKAN IALAH SUPAYA MALAYSIA DIENARKAN MEMASANG KOMPONEN-KOMPONEN DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN JAM TANGAN YANG SIMPLE SEMENTARA SWITZERLAND MENGEKALKAN ASPEK-ASPEK TEKNOLOJI YANG TINGGI BAGI PERKILANGAN ALAT-ALAT DAN KOMPONEN JAM TANGAN.

+KAMI MENAWARKAN SATU PANGKALAN DI MANA ANDA BOLEH MENCAMPURKAN TEKNOLOJI YANG TINGGI TETAPI JUGA MENAWARKAN JAM-JAM ANDA DENGAN HARGA LEBIH RENDAH KEPADA DUNIA. — PERSAMUNG 1833/LK

B567:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

SEKIRANYA SWITZERLAND MELALUI OPERASINYA DI SINI DAPAT MEMPERLUAS -KAN PASARANNYA, PELUANG-PELUANG PEKERJAAN BUKAN SAHAJA AKAN BERTAMBAH DI MALAYSIA TETAPI JUGA DI SWITZERLAND.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGUNDANG PEMPUAT-PEMBUAT JAM TANGAN SWISS SUPAYA MELAKUKAN LAWATAN KE MALAYSIA SECARA INDIVIDU ATAU SEBAGAI SATU ROMBONGAN PELATURAN BAGI MENYAKSIKAN SENDIRI APA YANG BOLEH DITAWARKAN OLEH NEGARA INI. — BERNAMA 1835/LK